

01/02/2004

Pas biadap kerana politikkan kes Nurul Huda: Dr Mahathir

Norbakti Alias; Johari Ibrahim

ALOR STAR: Pas biadap kerana sanggup mempolitikkan kes rogol dan bunuh membabitkan murid, Nurul Huda Abdul Ghani, 10, ketika masyarakat berkongsi kesedihan dengan keluarga mangsa, kata bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, tindakan Pas itu membuktikan parti berkenaan sanggup melakukan apa saja untuk dijadikan isu politik termasuk mengambil kesempatan daripada kematian, semata-mata untuk memancing undi.

"Saya sedih apabila dikatakan kejadian ke atas Nurul Huda dikatakan kerana bapanya yang juga ketua cawangan Umno, parti yang menolak hukum hudud Pas.

"Tuhan tidak zalim seperti anggapan Pas. Tapi kita tahu bagi Pas, Tuhan adalah samseng dan mencarut," katanya pada pelancaran jentera pilihan raya Barisan Nasional (BN) Kedah di sini, semalam.

Turut hadir isteri Dr Mahathir, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Pengerusi MCA Kedah, Datuk Beh Heng Seong; Pengerusi Gerakan Kedah, Datuk Fong Chok Gin; Pengerusi MIC Kedah, Datuk V Saravanan dan pemimpin tertinggi parti komponen BN peringkat negeri.

Dr Mahathir merujuk kepada kejadian khutbah Jumaat di sebuah masjid di Permatang Pauh minggu lalu, yang turut menyentuh peristiwa terhadap murid perempuan malang itu.

Khatib mengaitkan kejadian itu sebagai hukuman dan balasan Allah kerana bapa mangsa menyokong Umno yang menentang hukum hudud.

Dr Mahathir berkata, Umno tidak menolak hukum hudud sebaliknya menolak hudud Pas yang disifatkannya sebagai undang-undang jenayah Pas yang tidak adil.

"Kerana kita tolak hudud Pas, maka budak yang tak berdosa itu dirogol kerana bapanya ahli Umno, itulah cara Pas.

"Kalau dia boleh kalau (memerintah) dia sendiri akan rogol semua anak-anak orang Umno, nak tunjuk kata Tuhan tak suka kepada Umno.

"Tetapi dialah yang berdosa kerana berpendapat bahawa merogol anak umur 10 tahun adalah kerana tak terima undang-undang jenayah Pas," katanya.

Beliau berkata, Pas jelas sekadar menggunakan nama Islam tetapi bertindak bertentangan dengan Islam untuk dapatkan undi.

Sehubungan itu, Dr Mahathir mahu ahli Umno memberi penjelasan kepada ahli Pas dan mencabar mereka apakah benar kes rogol Nurul Huda adalah kerana kononnya Umno tidak ikut undang-undang jenayah Pas.

"Kita juga mahu tahu bah (banjir) besar yang berlaku di Kelantan. Apakah ini kerana Pas cuba memutar-belitkan agama Allah dengan undang-undang jenayah Pas yang boleh dipinda kerana hudud tak boleh dipinda oleh manusia," katanya.

Terdahulu, Dr Mahathir turut melawat projek pembinaan Jabatan Pulau Bunting di Yan sejauh 2.2 kilometer berharga kira-kira RM120 juta.

Projek untuk kemudahan pelancongan itu dijangka siap pada pertengahan tahun ini dimajukan oleh SKS Ventures Sdn Bhd. Beliau turut melawat projek marina kapal layar di Kuala Kedah sebelum melancarkan gerak kerja BN di Alor Star.

Dr Mahathir turut menyerahkan enam lembu sempena Hari Raya Korban kepada penduduk Kampung Tanjung, Kampung Bendang Dalam, belakang Taman Bahagia, Kampung Bukit Tinggi masing-masing di Kubang Pasu; Titi Gajah dan Kampung Asam Jawa, Pendang.